Menurut Alwayi dan Embong (2018), untuk melahirkan modal insan yang kompeten di peringkat global, transformasi sistem pendidikan mesti diselaraskan secara berterusan. Ini termasuk memastikan wujudnya tenaga pengajar yang bukan sahaja cecap, malah komited terhadap organisasi dan misi pendidikan negara. Komitmen tenaga pengajar merupakan indikator utama kepada kejayaan sesebuah institusi pendidikan, dan secara langsung mencerminkan keutuhan organisasi kepada pihak berkepentingan dalaman dan luaran.

Peruntukan besar dalam Belanjawan 2023 yang berjumlah RM55.6 bilion kepada sektor pendidikan (Kementerian Kewangan Malaysia, 2022) mencerminkan komitmen negara terhadap peningkatan kualiti sistem pendidikan. Sebahagian besar peruntukan ini ditumpukan kepada pembangunan profesional pemimpin pendidikan seperti Pengetua dan Guru Besar (PGB), Pasukan Kepemimpinan Kanan (SLT), Pasukan Kepemimpinan Pertengahan (MLT), dan Ketua Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM). Institut Aminuddin Baki (IAB)





bertanggungjawab melaksanakan latihan kepemimpinan ini, yang menjadi teras kepada pelaksanaan agenda transformasi seperti yang digariskan dalam PPPM (KPM, 2013).

Dalam sistem pendidikan moden, peranan GBKSM semakin kritikal dalam memastikan kesejahteraan emosi, sosial dan akademik murid. GBKSM bukan sahaja bertanggungjawab memberikan sokongan psikososial, tetapi juga menjadi agen perubahan dalam pembangunan sahsiah dan disiplin murid. GBKSM berperanan sebagai agen pembangunan murid dalam aspek emosi, intelek, sosial, dan rohani. Menurut Sabilan et al. (2018), keberkesanan guru dalam membantu murid mencapai potensi optimum dipengaruhi oleh pelaksanaan menyeluruh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), merangkumi kurikulum, pengurusan sahsiah dan disiplin, dan kokurikulum. Dalam konteks ini, Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) memainkan peranan penting dalam membantu murid dari segi pematuhan disiplin, pengamalan nilai-nilai murni, dan membentuk kepemimpinan diri.

Perjawatan GBKSM telah diwujudkan pada tahun 2001 di sekolah rendah dan menengah selari dengan peranan UBK telah berkembang sejajar dengan keperluan murid era ini. Kini, terdapat seramai 9,445 GBKSM di seluruh negara, iaitu 5,780 guru kaunseling (GK) di sekolah menengah dan 3,665 guru bimbingan (GB) di sekolah rendah (Utusan Malaysia, 2019). Timbalan Menteri Pendidikan ketika itu, YB Teo Nie Ching, menekankan keperluan untuk memperkasakan peranan GBKSM bagi menangani isu sosial dan emosi murid yang semakin kompleks.

Dengan kemajuan teknologi dan globalisasi, peranan GBKSM menjadi lebih mencabar. Mereka berhadapan dengan pelbagai isu seperti dilema etika, perbezaan





budaya, tekanan kerja, "burnout", dan penurunan keyakinan murid terhadap perkhidmatan kaunseling (Rafidah Aga & Poh Li, 2014). Julia et al. (2019) dan Skinner dan Roche (2021) menyatakan bahawa faktor seperti tekanan kerja, harga diri, gaya kepemimpinan organisasi, dan kepuasan kerja mempengaruhi niat GBKSM untuk meninggalkan kerjaya mereka. Oleh itu, tahap komitmen organisasi GBKSM sangat penting demi menjamin kualiti dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Komitmen organisasi merujuk kepada tahap keterikatan psikologi seseorang individu terhadap organisasinya (Meyer & Allen, 1997). Dalam konteks GBKSM, komitmen ini amat penting kerana ia menentukan kecekapan mereka dalam menjalankan tugas serta mempengaruhi kualiti hubungan dengan murid. Wong et al. (2019) melaporkan bahawa guru dengan tahap komitmen organisasi yang tinggi cenderung boleh menyumbang kepada iklim sekolah yang positif dan mempertingkatkan pencapaian murid.

Kajian tempatan menunjukkan bahawa tahap komitmen organisasi dalam kalangan GBKSM masih berada pada tahap sederhana (Sulaiman, 2014; Florence, 2007). Antara punca utama termasuk beban kerja berlebihan, kekaburan peranan, dan kekurangan pengiktirafan. Selain itu, tugas-tugas luar bidang kaunseling yang dipertanggungjawabkan kepada GBKSM turut menyumbang kepada ketidakpuasan kerja dan keletihan emosi. Dalam hal ini, amalan kepemimpinan transformasi oleh Pengetua serta tahap kepuasan kerja GBKSM dikenal pasti sebagai antara faktor utama yang memberi kesan kepada tahap komitmen organisasi mereka (Bass & Avolio, 1994; Meyer & Allen, 1997).





Sulaiman (2014) mencadangkan bahawa gaya kepemimpinan dan persekitaran kerja yang menyokong dapat memupuk komitmen organisasi dalam kalangan GBKSM. Florence (2007) turut menegaskan bahawa persepsi terhadap kepemimpinan transformasi yang diamalkan oleh pengetua sekolah mampu meningkatkan kepuasan kerja dan kesetiaan GBKSM terhadap organisasi.

Namun, terdapat kekurangan kajian komprehensif yang menghubungkan secara langsung komitmen organisasi, amalan gaya kepemimpinan transformasi, dan kepuasan kerja khususnya dalam konteks Guru Kaunseling (GK) sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dan menyumbang kepada pembinaan dasar dan amalan pendidikan yang lebih efektif.



1.2 Latar Belakang Kajian

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) merupakan garis panduan kepada guru-guru dalam penyampaian serta pelaksanaan kurikulum di sekolah rendah dan menengah, ia menjadi asas utama kepada sistem pendidikan untuk meningkatkan potensi murid dalam aspek JERIS. Guru berperanan sebagai penghubung kepada murid untuk kemahiran dan ilmu pengetahuan, serta memberi impak besar terhadap perkembangan emosi, akal, personaliti, serta fizikal setiap individu. Dalam usaha mengembangkan potensi murid-murid, guru perlu peka terhadap segala yang terkandung dalam FPK melalui sistem PdPc, aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum, pematuhan terhadap disiplin, penerapan serta pelaksanaan nilai-nilai murni dan adab, kepemimpinan dan pengurusan sekolah, latihan dan kemahiran, serta semua aspek yang





memperkembangkan domain-domain utama dalam pendidikan (Sabilan, S. et al., (2018)). Bagi menyahut hasrat tersebut dalam bidang pematuhan disiplin, penerapan dan pelaksanaan nilai-nilai murni serta adab kepemimpinan telah diberikan kepada Unit Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (UBK). UBK telah diperkenalkan dan diperkuatkuasakan pelaksanaannya di peringkat sekolah rendah dan menengah pada tahun 2001. Tugas menguruskan UBK ini telah dipertanggungjawabkan kepada GBKSM yang mana pelantikan jawatan Guru Bimbingan (GB) HR 22 di sekolah rendah dan Guru Kaunseling (GK) HM 52 di sekolah menengah (MySG, 2021) di bawah penyeliaan GPK HEM.

My Standard Guideline for School Counsellors (MySG, 2021) merupakan panduan utama yang mendefinisikan peranan dan tanggungjawab GBKSM di Malaysia.

GBKSM bertanggungjawab dalam merancang, melaksanakan dan menilai program bimbingan dan kaunseling yang menyeluruh, menyokong perkembangan murid secara menyeluruh dari aspek akademik, kerjaya, psikososial, dan sahsiah (KPM, 2021). Tugas GBKSM dibahagikan kepada tiga domain utama:

a. Bimbingan dan Kaunseling Individu dan Kelompok

GBKSM perlu memberi sesi kaunseling individu kepada murid yang menghadapi isu emosi, disiplin, tekanan akademik atau masalah keluarga. Contohnya, murid yang mengalami tekanan untuk mencapai keputusan cemerlang dalam SPM sering mendapatkan sokongan daripada GBKSM untuk pengurusan stres.



b. Pembangunan Sahsiah dan Intervensi Psikososial

GBKSM bertindak sebagai agen perubahan sahsiah murid melalui pelbagai program intervensi seperti Program Intervensi Keciciran (PIK), Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) dan Kem Bestari Diri. Kejayaan pelaksanaan SUMUR yang konsisten menunjukkan keupayaan GK dalam meningkatkan akhlak dan motivasi murid.

c. Pembangunan Kerjaya dan Akademik

GBKSM juga bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pembangunan kerjaya seperti Hari Kerjaya, pentaksiran minat kerjaya, dan panduan pemilihan mata pelajaran, sekali gus membantu murid membuat keputusan pendidikan dan kerjaya berdasarkan kekuatan diri.

Dalam sistem pendidikan moden, peranan GBKSM menjadi semakin kritikal dalam memastikan kesejahteraan emosi, sosial dan akademik murid. GBKSM bukan sahaja bertanggungjawab memberikan sokongan psikososial, tetapi juga menjadi agen perubahan dalam pembangunan sahsiah dan disiplin murid. Oleh itu, tahap komitmen organisasi GBKSM sangat penting demi menjamin kualiti dan keberkesanan perkhidmatan UBK di sekolah.

Komitmen organisasi merujuk kepada tahap kesetiaan dan keterlibatan GBKSM terhadap objektif, visi dan misi sekolah. Menurut Allen dan Meyer (1990), komitmen ini boleh dibahagikan kepada tiga bentuk: komitmen afektif (emosi dan keinginan



untuk kekal), komitmen normatif (rasa tanggungjawab moral) dan komitmen berterusan (kos meninggalkan organisasi).

Dalam konteks GBKSM, situasi yang menunjukkan komitmen organisasi yang tinggi merangkumi ialah melaksanakan program-program kaunseling sendiri dan proaktif tanpa menunggu arahan pentadbir di mana GBKSM mengambil inisiatif menyediakan bilik kaunseling selesa dan mesra murid, menjalankan kaunseling luar bilik seperti kaunseling santai di kantin, yang membuktikan komitmen terhadap kesejahteraan murid.

Malah, GBKSM juga perlu terlibat secara aktif dalam Jawatankuasa Hal Ehwal Murid dan mesyuarat profesional yang menunjukkan peranan dan tugas mereka sebagai penyelar program di sekolah. GBKSM harus menjadi perancang utama dalam menangani kes buli dan vandalisme melalui pendekatan pemulihan dan mediasi konflik.

Namun begitu, terdapat juga situasi komitmen organisasi yang rendah dalam kalangan GBKSM di mana ketidakhadiran dalam mesyuarat pentadbiran atau enggan melaksanakan intervensi murid berisiko akibat beban tugas pengkeranian. Malah, kadar pertukaran GBKSM yang tinggi disebabkan tekanan kerja atau kurangnya pengiktirafan. Terdapat beberapa isu yang dikenal pasti menjejaskan tahap komitmen organisasi GBKSM seperti (i) beban tugas bukan kaunseling iaitu pengurusan data, sistem maklumat murid (SSDM) dan tugas guru kelas mengurangkan masa berkualiti untuk sesi kaunseling, (ii) kekangan sumber seperti ketiadaan bilik kaunseling tetap, kekurangan alat ujian psikometrik dan tiada pembantu GBKSM, (iii) kurangnya





pengiktirafan kepemimpinan sekolah terhadap fungsi kaunseling yang menyumbang kepada demotivasi GBKSM.

Dalam konteks pendidikan pasca pandemik dan Revolusi Industri 4.0 ini, GBKSM perlu menunjukkan komitmen organisasi yang lebih tinggi melalui pelbagai aspek seperti (i) pendigitalan perkhidmatan kaunseling seperti e-kaunseling dan penggunaan sistem penilaian minat kerjaya secara dalam talian, (ii) pembangunan kompetensi profesional berterusan melalui latihan sendiri, bengkel psikologi positif, dan intervensi trauma-informed counselling dan (iii) menjalankan kolaborasi silang peranan bersama guru akademik, ibu bapa dan komuniti setempat bagi memaksimumkan sokongan murid. Komitmen ini menjadi pemacu keberkesanan sistem sokongan di sekolah serta meningkatkan kesejahteraan emosi dan sosial murid



secara berterusan (Chong, 2019; Ibrahim & Halim, 2022).

Komitmen organisasi ini sering dipengaruhi oleh dua faktor utama dalam persekitaran organisasi, iaitu gaya kepemimpinan transformasi Pengetua dan tahap kepuasan kerja individu itu sendiri (Bass & Riggio, 2006; Meyer & Allen, 1997). Kajian tempatan dan antarabangsa menunjukkan bahawa faktor kepemimpinan transformasi dan kepuasan kerja mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tahap komitmen organisasi dalam kalangan pendidik termasuk GBKSM (Bass & Riggio, 2006; Meyer & Allen, 1997; Waham, Rahman, & Mustafa, 2020).

Pemimpin sekolah merupakan pemacu kepada kemenjadian murid dan sekolah berkualiti. Dalam konteks ini, peranan pemimpin sekolah dilihat sangat penting untuk memenuhi keperluan pendidikan semasa, kerana sekolah yang cemerlang pastinya





diketahui oleh pemimpin yang berkualitas. Kepemimpinan sekolah diartikan sebagai kemampuan pemimpin sekolah untuk mengubah tingkah laku dan sikap seorang, mempengaruhi serta memberikan dorongan kepada orang di sekelilingnya untuk melakukan perubahan dan bersedia untuk melaksanakan perancangan sekolah demi mencapai visi dan misi sekolah. (Mohd Zainuddin et al., 2021).

Kepemimpinan berprestasi tinggi difahami sebagai pemimpin yang sentiasa berusaha keras untuk mencapai matlamatnya dalam mempertingkatkan keberhasilan murid dari segi akademik, bukan akademik mahupun sahsiah (KPM, 2013). Pemimpin juga memberikan pengaruh yang besar dalam sistem pendidikan negara (Bezzina & Bufalino, 2019) yang berperanan untuk mewujudkan peluang dan menggalakan keupayaan dalaman semua guru di sekolah dalam usaha untuk meningkatkan prestasi sekolah (James & Ramiah, 2019). Ia turut disokong oleh Northouse (2016), pemimpin pendidikan yang mengamalkan kepemimpinan positif selalunya berjaya mempengaruhi stafnya dalam meningkatkan nilai positif dalaman diri (Liebowitz & Porter, 2019) yang dikatakan berkait rapat dengan kejayaan sekolah.

Kepemimpinan transformasi, sebagaimana diperincikan oleh Bass (1990), menekankan keupayaan pemimpin untuk memberi inspirasi, menunjukkan teladan, memperkasakan kakitangan, dan mendorong perubahan positif. Beberapa kajian menunjukkan bahawa gaya kepemimpinan transformasi yang diamalkan oleh Pengetua atau Pemimpin Pendidikan dapat meningkatkan motivasi guru dan seterusnya meningkatkan komitmen mereka terhadap organisasi (Ishak Sin, 2001; Jazmi, 2015; Asbari, 2020).





Dalam konteks GBKSM, gaya kepemimpinan ini memainkan peranan penting kerana hubungan rapat antara pemimpin sekolah dengan pelaksanaan dasar dan keberkesanan perkhidmatan kaunseling. Kepemimpinan transformasi Pengetua atau Pentadbir Sekolah dilihat sebagai pemacu utama dalam memupuk suasana kerja yang menyokong dan positif. Kepemimpinan ini merangkumi empat dimensi utama: karisma atau pengaruh ideal (*idealized influence*), pertimbangan individu (*individualized consideration*), rangsangan intelektual (*intellectual stimulation*), dan motivasi berinspirasi (*inspirational motivation*) (Bass & Avolio, 1994).

Karisma Pengetua mampu memberi inspirasi kepada GBKSM untuk berkongsi nilai organisasi dan meningkatkan rasa tanggungjawab kolektif. Pertimbangan individu pula melibatkan keprihatinan terhadap kesejahteraan dan pembangunan profesional setiap GBKSM. Rangsangan intelektual mendorong GBKSM untuk berfikir secara kritikal dan inovatif dalam menangani isu murid, manakala motivasi berinspirasi memberikan hala tuju dan semangat dalam merealisasikan matlamat sekolah serta meningkatkan kesedaran terhadap peranan GBKSM dalam pencapaian misi sekolah (Kouzes & Posner, 2017; Asbari, 2020). Kajian oleh Ishak Sin (2001) dan Waham et al. (2020) juga menunjukkan bahawa kepemimpinan transformasi Pengetua memberi impak langsung terhadap ketiga-tiga dimensi ini.

Gaya kepemimpinan seseorang pemimpin sekolah akan mempengaruhi kepuasan dan komitmen kerja orang bawahnya yang akan membawa kepada peningkatan prestasi sesebuah organisasi sekolah (Meyer & Allen, 1997). Sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh pemimpin sekolah terhadap UBK memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan perkhidmatan yang disediakan.





Dengan sokongan yang kukuh, UBK dapat berfungsi sebagai satu unit yang mesra kepada ibu bapa, rakan guru, murid, serta masyarakat. Melalui perkhidmatan yang diperoleh, GBKSM berpeluang memfasilitasi murid membangunkan keupayaan berfikir secara positif dan bertindak secara rasional serta berkesan. Lantaran itu, bagi memastikan keaktifan dan keberkesanan perkhidmatan UBK di sekolah ianya perlu diletakkan sepenuhnya dibawah seliaan PGB yang bertindak sebagai peneraju, pendorong dan pembimbing dalam Standard 1 (SKPMg2 (2018), SK@S (2022)).

Peranan PGB telah terkandung dalam Standard 1 (SKPMg2 (2018), SK@S, (2022)). Jadual 1.1 telah menggariskan beberapa perlakuan standard yang harus diaplikasikan oleh pemimpin sekolah bagi merealisasikan pewujudan guru berkualiti dan sekolah berkualiti.



Jadual 1.1

Standard 1: Kepemimpinan PGB dalam SK@S

STANDARD	ASPEK KUALITI	STANDARD KUALITI
1	PGB sebagai peneraju - PGB bertindak sebagai peneraju dalam semua aspek pengurusan dan pendidikan di sekolah untuk memastikan matlamat dan objektif yang telah ditetapkan tercapai.	1.1.1 PGB menetapkan hala tuju sekolah secara terancang.
		1.1.2 PGB mengetuai penyediaan Rancangan Pemajuan Sekolah secara terancang dan sistematik.
		1.1.3 PGB mengetuai pemantauan pengoperasian sekolah secara terancang dan sistematik.
		1.1.4 PGB menerajui aktiviti instruksional dalam pelaksanaan PdP secara profesional dan terancang.
		1.1.5 PGB menerajui aktiviti instruksional dalam pelaksanaan pencerapan PdP secara profesional dan terancang.
		1.1.6 PGB menerajui aktiviti instruksional dalam pelaksanaan pemantauan kemajuan





STANDARD	ASPEK KUALITI	STANDARD KUALITI
		pencapaian murid secara sistematik dan terancang.
		1.1.7 PGB menangani masalah pengoperasian sekolah secara profesional dan terancang.
	PGB sebagai pembimbing	1.2.1 PGB memberi bimbingan kepada guru dan Anggota Kakitangan Pelaksana (AKP) secara profesional dan terancang.
	- PGB bertindak sebagai pembimbing untuk meningkatkan kecekapan individu dan kualiti pengurusan sekolah.	1.2.2 PGB memberi bimbingan kepada barisan pemimpin yang diturun kuasa secara profesional dan terancang.
	PGB sebagai pendorong	1.3.1 PGB mendorong warga sekolah dengan menjadi suri teladan secara profesional dan terancang.
	- PGB bertindak sebagai pendorong untuk meningkatkan motivasi warga sekolah dalam melaksanakan tanggungjawab secara bersungguh-sungguh dan berkualiti.	1.3.2 PGB menggalakkan warga sekolah memberi input berkaitan pemajuan sekolah secara profesional dan terancang.
		1.3.3 PGB menggerakkan warga sekolah dalam melaksanakan tanggungjawab secara terancang.
	PGB sebagai pelaksana dialog prestasi berkesan	1.4.1 PGB melaksanakan Dialog Prestasi Sekolah secara profesional dan terancang.
	-PGB bertindak sebagai pelaksana Dialog Prestasi Sekolah yang berkesan untuk menyelesaikan masalah dan meningkatkan pencapaian sekolah dalam pelbagai bidang.	

Sumber: SKPM Kualiti @ Sekolah, 2022

Selari dengan kepemimpinan transformasi, kepuasan kerja juga menjadi pemacu penting kepada komitmen organisasi GBKSM. Menurut Maslow (1943), keperluan fisiologi dan keselamatan adalah prasyarat kepada motivasi yang lebih tinggi. Dalam konteks pekerjaan, ini diterjemahkan kepada kestabilan kerjaya, gaji yang mencukupi, hubungan interpersonal yang sihat, kemudahan kerja yang kondusif dan kebajikan yang dijamin (Robbins, 2001). Dari sudut kepuasan kerja GBKSM, aspek seperti keselamatan pekerjaan, kebajikan, fasiliti kerja yang selesa, penghargaan,





dan imbuhan kewangan turut mempengaruhi komitmen organisasi. Menurut Maslow (1943), keperluan fisiologi dan keselamatan adalah asas kepada motivasi manusia. Dalam konteks pendidikan, apabila keperluan asas guru dipenuhi, mereka lebih bersedia untuk menunjukkan prestasi dan komitmen yang tinggi (Robbins, 2001). Apabila aspek ini dipenuhi, guru khususnya GBKSM lebih cenderung menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap sekolah mereka. Sebaliknya, ketidakpuasan kerja membawa kepada burnout, hasrat meninggalkan profesion dan pengurangan produktiviti (D'Silva, 2022; Chong et al., 2019).

Kajian antarabangsa turut menyokong dapatan ini. Di Korea Selatan, Lee (2012) melaporkan bahawa komitmen afektif dalam kalangan kaunselor sekolah meningkat apabila pemimpin menunjukkan keprihatinan peribadi dan memberi pengiktirafan terbuka. Di Finland, sistem kebajikan kerja yang menyeluruh turut dikaitkan dengan tahap kepuasan dan komitmen tinggi dalam kalangan kaunselor (Salo et al., 2015). Sebaliknya, kajian di Nigeria oleh Eremie dan Dimkpa (2019) menunjukkan bahawa kekurangan pemahaman dan sokongan daripada pihak pengurusan menyumbang kepada rendahnya komitmen kaunselor sekolah.

Di Malaysia, walaupun profesion kaunseling telah lama diwujudkan, peranan GBKSM masih belum diarusperdanakan secara menyeluruh. Kajian oleh Mohamad Sattar Rasul et al. (2013) dan Tengku Elmi Azlina et al. (2014) membuktikan bahawa banyak cabaran yang dihadapi oleh GBKSM, termasuk beban kerja pentadbiran, ketidakjelasan peranan dan kekurangan sokongan daripada pihak pengurusan sekolah.





Kajian-kajian di Malaysia masih kurang memberikan fokus terhadap gabungan pengaruh kepemimpinan transformasi dan kepuasan kerja terhadap komitmen organisasi GBKSM secara menyeluruh. Justeru itu, penyelidikan ini amat signifikan untuk merungkai hubungan antara gaya kepemimpinan transformasi Pengetua, kepuasan kerja dan komitmen organisasi GK, serta menyediakan justifikasi empirikal yang boleh digunakan untuk memperkukuh perkhidmatan kaunseling sekolah.

1.3 Penyataan Masalah Kajian

Walaupun profesion bimbingan dan kaunseling di Malaysia telah wujud lebih empat dekad, persoalan tentang tahap profesionalisme dan keberkesanan peranan GBKSM masih berlegar dalam kalangan masyarakat dan warga sekolah sendiri. GBKSM sering dibayangi oleh kekaburan peranan, kekurangan sokongan organisasi, serta tahap kepuasan kerja dan komitmen organisasi yang sederhana (Syafrimen et al., 2010; JNJK, 2013, 2019). Kajian-kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa komitmen organisasi dalam kalangan GBKSM masih berada pada tahap membimbangkan (Jaafar Sidek Latif, 1995; Zawawi Yahaya, 1999; Faridah Mohd Fauzi, 2000; Arumugam Krishnan, 2010; Sulaiman et al., 2016), sekali gus mengancam kestabilan sistem sokongan psikososial murid di sekolah.

Komitmen organisasi merangkumi tiga dimensi penting iaitu komitmen afektif (keinginan untuk terus bersama organisasi secara emosional), komitmen berterusan (kos meninggalkan organisasi), dan komitmen normatif (rasa kewajipan moral untuk kekal dalam organisasi) (Meyer & Allen, 1991). Tahap komitmen ini secara langsung





mempengaruhi keberkesanan perkhidmatan kaunseling, kelangsungan sokongan psikososial murid serta aspirasi kesejahteraan mental sekolah. Namun begitu, isu utama ialah bagaimana faktor persekitaran kerja khususnya kepemimpinan dan kepuasan kerja menyumbang kepada komitmen ini masih belum difahami secara mendalam dalam konteks GBKSM di Malaysia.

Salah satu dimensi yang penting namun kurang dikaji ialah pengaruh kepemimpinan transformasi pengetua terhadap komitmen organisasi GBKSM. Kepemimpinan transformasi merangkumi empat komponen utama iaitu *idealized influence* (karisma), *individualized consideration* (keprihatinan individu), *intellectual stimulation* (rangsangan intelek), dan *inspirational motivation* (motivasi berinspirasi) (Bass & Avolio, 1994). Pengetua yang mempunyai ciri-ciri ini bukan sahaja berupaya meningkatkan motivasi dalaman guru, tetapi juga mencetuskan kesetiaan organisasi yang lebih tinggi (Andriani et al., 2018; Ghabasah et al., 2015). Namun, kajian yang meneliti kesan langsung gaya kepemimpinan ini terhadap GBKSM (bukan guru akademik) masih terlalu terhad (Ali, 2016; Teharaja & Hamid, 2021).

Dalam konteks ini, amalan kepemimpinan transformasi pengetua dilihat sebagai faktor kritikal yang berpotensi mempengaruhi tahap komitmen organisasi dalam kalangan GBKSM. Pemimpin transformasi seperti pengetua yang mempunyai visi, menunjukkan teladan, memberi pengiktirafan dan sokongan secara berterusan serta merangsang intelek guru, terbukti dapat membina hubungan profesional yang positif dan seterusnya meningkatkan komitmen organisasi (Bass & Avolio, 1994; Leithwood & Jantzi, 2006). Namun, dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa kesan langsung kepemimpinan transformasi terhadap komitmen organisasi adalah tidak konsisten dan





bergantung kepada faktor dalaman guru itu sendiri, seperti kepuasan kerja (Ng, 2018; Florence, 2007). Banyak kajian menekankan impak positif kepemimpinan transformasi terhadap komitmen organisasi, kajian secara langsung terhadap GBKSM masih terbatas.

Selain kepemimpinan, kepuasan kerja juga menjadi faktor penting yang mempengaruhi komitmen organisasi. Berdasarkan teori keperluan Maslow dan Herzberg, kepuasan kerja meliputi keperluan fisiologi (gaji, waktu kerja), keselamatan (jaminan pekerjaan), hubungan (sokongan rakan sekerja), fasiliti kerja (bilik kaunseling), kebajikan dan pengiktirafan profesional (Ismail & Abd Razak, 2016; Chelliah et al., 2015; Eliyana & Ma'arif, 2019). Namun, kajian yang meneliti secara holistik hubungan antara dimensi kepuasan kerja ini dengan komitmen organisasi GBKSM masih sangat kurang, terutamanya di Malaysia.

Sehubungan itu, kepuasan kerja guru kaunseling (GK) dipilih sebagai pemboleh ubah perantara yang berperanan menjelaskan secara lebih mendalam mekanisme hubungan antara kepemimpinan transformasi pengetua dengan komitmen organisasi GK. GBKSM yang berpuas hati dari segi aspek sokongan pengetua, keselamatan kerja, peluang pembangunan profesional, dan pengiktirafan kerja cenderung untuk menunjukkan komitmen jangka panjang terhadap organisasi sekolah (Herzberg, 1966; Locke, 1976; Sulaiman, 2014). Ini selari dengan Teori Dua Faktor Herzberg yang menyatakan bahawa faktor motivasi intrinsik seperti pengiktirafan dan pencapaian boleh meningkatkan kepuasan kerja dan seterusnya komitmen individu terhadap organisasi.





Secara kritis, kajian-kajian terdahulu menunjukkan corak konsisten bahawa kepimpinan transformasi akan kurang berkesan tanpa kehadiran kepuasan kerja sebagai perantara. Hal ini bukan sahaja memperkukuh peranan kepuasan kerja dalam model teori organisasi, malah memberi implikasi praktikal kepada penggubalan polisi sumber manusia yang lebih holistik. Secara keseluruhan, sorotan kajian-kajian tempatan dan luar negara ini membuktikan bahawa kepuasan kerja bukan sahaja bertindak sebagai pemboleh ubah bebas, tetapi juga perantara yang strategik dalam model konseptual yang melibatkan komitmen organisasi guru. Namun begitu, terdapat jurang kritikal yang perlu ditangani, iaitu kekurangan kajian yang secara khusus menumpukan kepada GBKSM dalam konteks realiti baharu pendidikan digital dan pasca pandemik COVID-19. Oleh itu, satu keperluan mendesak wujud untuk memperluaskan dimensi kajian agar dapat merangkumi pendekatan psikososial dan sokongan digital terhadap kepuasan kerja GBKSM secara lebih menyeluruh.



Tambahan pula, dalam konteks pendidikan menengah di Malaysia, struktur hierarki sekolah menjadikan PGB sebagai pengaruh utama dalam iklim kerja. Maka, kesan kepemimpinan transformasi pengetua mungkin tidak berlaku secara langsung, tetapi melalui persepsi dan pengalaman kerja harian GBKSM itu sendiri menjadikan kepuasan kerja satu mekanisme perantara yang wajar dan signifikan untuk diuji secara empirikal.

Lebih mengkritikal, kebanyakan kajian lampau hanya memberi tumpuan kepada guru akademik dan tidak mengambil kira konteks unik GBKSM yang berfungsi secara sokongan dan sering berhadapan beban kerja tambahan, pengasingan peranan serta kurang pengiktirafan profesional (Sulaiman et al., 2016). Malah, aspek gabungan





kepemimpinan transformasi dan kepuasan kerja sebagai penentu komitmen organisasi GBKSM masih belum diterokai secara tuntas dalam literatur tempatan. Ini membuka satu jurang yang besar dalam memahami bagaimana GBKSM dapat terus komited dalam perkhidmatan mereka bagi menjamin kesejahteraan psikososial murid secara mampan.

Tambahan pula, kebanyakan kajian terdahulu bersifat lokal dan berfokus kepada negeri atau daerah tertentu sahaja, yang mengehadkan generalisasi penemuan. Oleh itu, kajian yang merangkumi sampel kebangsaan diperlukan bagi memahami secara menyeluruh dinamika komitmen organisasi GBKSM di Malaysia.

Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada meneliti kesan langsung pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua terhadap komitmen organisasi guru kaunseling (GK) melalui kepuasan kerja sebagai perantara, bagi memberikan sumbangan kepada pembentukan model komitmen organisasi yang lebih komprehensif. Penyelidikan ini juga diharap dapat membantu pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pentadbir sekolah untuk menggubal intervensi kepemimpinan dan kebajikan kerja yang lebih strategik terhadap GK di sekolah menengah. Sehubungan itu, kajian ini sangat signifikan untuk menjawab kekosongan literatur sedia ada, khususnya dalam memahami secara mendalam bagaimana kepemimpinan transformasi pengetua dan kepuasan kerja GK mempengaruhi komitmen organisasi mereka dalam konteks pendidikan menengah di Malaysia.





1.4 Tujuan Kajian

Perkhidmatan UBK di sekolah menengah memainkan peranan strategik dalam menjamin kesejahteraan psikososial murid serta menyokong matlamat pendidikan holistik negara. Namun, untuk memastikan keberkesanan peranan ini, GBKSM mestilah mempunyai tahap komitmen organisasi yang tinggi agar mereka dapat kekal berkhidmat dengan dedikasi dan bertindak secara proaktif terhadap keperluan murid dan sekolah.

Komitmen organisasi dalam kalangan GBKSM bergantung kepada pelbagai faktor dalaman dan luaran. Dua faktor utama yang dikenal pasti memberi kesan besar ialah amalan kepemimpinan transformasi pengetua dan tahap kepuasan kerja GBKSM.

Pemimpin sekolah yang mengamalkan kepemimpinan transformasi melalui empat dimensi iaitu karisma (*idealized influence*), keprihatinan individu (*individualized consideration*), rangsangan intelektual (*intellectual stimulation*) dan motivasi berinspirasi (*inspirational motivation*) berpotensi mempengaruhi emosi, kepercayaan, dan keinginan GBKSM untuk terus berkhidmat dalam organisasi secara afektif, berterusan dan normatif. Gaya kepemimpinan sedemikian bukan sahaja membentuk budaya kerja yang positif, tetapi juga berupaya meningkatkan tahap kesetiaan dan kesungguhan kerja dalam kalangan guru (Bass & Avolio, 1994; Andriani et al., 2018).

Dalam masa yang sama, kepuasan kerja GBKSM yang meliputi aspek fisiologi (ganjaran kewangan, beban tugas), keselamatan (jaminan kerja dan persekitaran kerja selamat), hubungan interpersonal (sokongan daripada pentadbir dan rakan sekerja), kemudahan fizikal dan fasiliti (bilik kaunseling yang lengkap), kebajikan, serta





kewangan, turut menjadi pemangkin kepada komitmen mereka terhadap organisasi. Apabila keperluan asas dan psikologi GBKSM ini dipenuhi, mereka lebih cenderung untuk berkhidmat dengan penuh dedikasi dan tidak mudah berpindah atau berhenti daripada profesion tersebut (Herzberg, 1966; Maslow, 1943; Chelliah et al., 2015).

Oleh itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai secara mendalam kesan langsung pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua dan kepuasan kerja guru kaunseling (GK) terhadap komitmen organisasi dalam kalangan GK di sekolah menengah di Malaysia, serta meneroka peranan kepuasan kerja sebagai pemboleh ubah perantara dalam hubungan tersebut.

Secara lebih terperinci, tujuan kajian ini adalah:

- a. Menilai tahap amalan kepemimpinan transformasi dalam kalangan pengetua sekolah menengah di Malaysia berdasarkan persepsi GK terhadap empat komponen utama kepemimpinan transformasi: karisma, bertimbangrasa secara individu, merangsang intelek, dan motivasi berinspirasi.
- b. Mengenal pasti tahap kepuasan kerja GK yang merangkumi keperluan fisiologi, keselamatan, hubungan sosial, fasiliti tempat kerja, kebajikan dan kewangan.
- c. Menentukan tahap komitmen organisasi GK, meliputi komitmen afektif, berterusan dan normatif terhadap organisasi sekolah.
- d. Menganalisis kesan langsung antara pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua terhadap komitmen organisasi GK.
- e. Menganalisis kesan langsung antara pengaruh amalan subkonstruk kepemimpinan transformasi pengetua (karisma, bertimbangrasa secara



individu, merangsang intelek, dan motivasi berinspirasi) terhadap komitmen organisasi GK.

- f. Menganalisis kesan langsung antara kepuasan kerja terhadap komitmen organisasi GK.
- g. Menganalisis kesan langsung antara pengaruh subkonstruk kepuasan kerja (fisiologi, keselamatan, hubungan sosial, fasiliti tempat kerja, kebajikan dan kewangan terhadap komitmen organisasi GK.
- h. Menganalisis kesan langsung antara pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua terhadap kepuasan kerja GK.
- i. Menganalisis kesan langsung antara pengaruh amalan subkonstruk kepemimpinan transformasi pengetua (karisma, bertimbangrasa secara individu, merangsang intelek, dan motivasi berinspirasi) terhadap kepuasan kerja GK.
- j. Menilai peranan pengaruh kepuasan kerja sebagai pemboleh ubah perantara antara kepemimpinan transformasi pengetua dan komitmen organisasi GK.
- k. Menentukan sumbangan pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua dan kepuasan kerja guru kaunseling sebagai faktor peramal komitmen organisasi GK.

Dengan merungkai kesan langsung antara pengaruh pembolehubah-pembolehubah ini secara kritikal, kajian ini dijangka dapat memberi sumbangan kepada literatur tempatan yang masih terhad dalam bidang kepemimpinan pendidikan dan kesejahteraan pekerjaan guru bukan akademik seperti guru kaunseling (GK), serta memberi input berguna kepada penggubal dasar, pentadbir sekolah, dan institusi latihan guru.



1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan adalah bagi mengetahui kesan langsung pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua terhadap komitmen organisasi guru kaunseling (GK) melalui kepuasan kerja GK sekolah menengah di Malaysia. Dengan itu, secara spesifiknya tujuan kajian ini adalah untuk:

1.5.1 Mengenal pasti tahap amalan kepemimpinan transformasi pengetua sekolah menengah di Malaysia;

1.5.2 Mengenal pasti tahap kepuasan kerja guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia;

1.5.3 Mengenal pasti tahap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia;

1.5.4 Menentukan kesan langsung pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia;

1.5.5 Menentukan kesan langsung pengaruh amalan subkonstruk kepemimpinan transformasi pengetua (karisma, bertimbang rasa secara individu, merangsang intelek dan motivasi berinspirasi) terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia;

1.5.6 Menentukan kesan langsung pengaruh kepuasan kerja terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia;

1.5.7 Menentukan kesan langsung pengaruh subkonstruk kepuasan kerja (fisiologi, keselamatan, hubungan, fasiliti, kebajikan dan kewangan) terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia;





- 1.5.8 Menentukan kesan langsung pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua terhadap kepuasan kerja guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia;
- 1.5.9 Menentukan kesan langsung pengaruh amalan subkonstruk kepemimpinan transformasi pengetua (karisma, bertimbang rasa secara individu, merangsang intelek dan motivasi berinspirasi) terhadap kepuasan kerja guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia;
- 1.5.10 Menentukan pengaruh kepuasan kerja berperanan sebagai perantara antara amalan kepemimpinan transformasi pengetua dan komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia; dan
- 1.5.11 Menentukan sumbangan pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua dan kepuasan kerja sebagai faktor peramal terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia.



1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi menjawab persoalan kajian yang telah dirumuskan. Berikut adalah persoalan kajian tersebut:

- 1.6.1 Apakah tahap amalan kepemimpinan transformasi pengetua sekolah menengah di Malaysia?
- 1.6.2 Apakah pasti tahap kepuasan kerja guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?
- 1.6.3 Apakah tahap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?





- 1.6.4 Adakah terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?
- 1.6.5 Adakah terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh amalan sub konstruk kepemimpinan transformasi pengetua (karisma, bertimbang rasa secara individu, merangsang intelek dan motivasi berinspirasi) terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?
- 1.6.6 Adakah terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh kepuasan kerja terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?
- 1.6.7 Adakah terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk kepuasan kerja (fisiologi, keselamatan, hubungan, fasiliti, kebajikan dan kewangan) terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?
- 1.6.8 Adakah terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua terhadap kepuasan kerja guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?
- 1.6.9 Adakah terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh amalan sub konstruk kepemimpinan transformasi pengetua (karisma, bertimbang rasa secara individu, merangsang intelek dan motivasi berinspirasi) terhadap kepuasan kerja guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?
- 1.6.10 Adakah pengaruh kepuasan kerja berperanan sebagai perantara antara amalan kepemimpinan transformasi pengetua dan komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia? dan



1.6.11 Adakah pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua dan kepuasan kerja sebagai faktor peramal terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia.

1.7 Hipotesis Kajian

Berpandukan tujuan, objektif serta persoalan kajian yang telah dikemukakan sebelum ini, berikut adalah hipotesis kajian.

Jadual 1.2

Hipotesis Kajian

Bil	Persoalan Kajian	Hipotesis Kajian
1	Adakah terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?	$H_{\alpha 1}$ Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia.
2	Adakah terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh amalan subkonstruk kepemimpinan transformasi pengetua (karisma, bertimbang rasa secara individu, merangsang intelek, dan motivasi berinspirasi) terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?	$H_{\alpha 1a}$ Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk karisma terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia.
		$H_{\alpha 1b}$ Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk bertimbang rasa secara individu terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia
		$H_{\alpha 1c}$ Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk merangsang intelek terhadap komitmen organisasi guru



Bil	Persoalan Kajian	Hipotesis Kajian
		kaunseling sekolah menengah di Malaysia.
		H α _{1d} Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk motivasi berinspirasi terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia.
3	Adakah terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh kepuasan kerja terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?	H α ₂ Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh kepuasan kerja terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia
4	Adakah terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk kepuasan kerja (fisiologi, keselamatan, hubungan, fasiliti, kebajikan dan kewangan) terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?	Hα_{2a} Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk fisiologi terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia. Hα_{2b} Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk keselamatan terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia. Hα_{2c} Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk hubungan terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia. Hα_{2d} Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk fasiliti terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia. Hα_{2e} Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk kebajikan terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia. Hα_{2f} Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk kewangan terhadap





Bil	Persoalan Kajian	Hipotesis Kajian
		komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia.
5	Adakah terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua terhadap kepuasan kerja guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?	H α_3 Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua terhadap kepuasan kerja guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia.
6	Adakah terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk amalan kepemimpinan transformasi pengetua (karisma, bertimbang rasa secara individu, merangsang intelek, dan motivasi berinspirasi) terhadap kepuasan kerja guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?	Hα_{3a} Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk karisma terhadap kepuasan kerja guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia. Hα_{3b} Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk bertimbang rasa secara individu terhadap kepuasan kerja guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia. Hα_{3c} Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk merangsang intelek terhadap kepuasan kerja guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia. Hα_{3d} Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengaruh subkonstruk motivasi berinspirasi terhadap kepuasan kerja guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia.
7	Adakah pengaruh kepuasan kerja berperanan sebagai perantara antara amalan kepemimpinan transformasi pengetua dan komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia?	H α_4 Kepuasan kerja berperanan sebagai perantara dalam hubungan amalan kepemimpinan transformasi pengetua dan komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah di Malaysia.






1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual adalah gambaran asas yang menggambarkan hubungan antara model dan teori sedia ada dengan perancangan kajian yang akan dilaksanakan. Kerangka kajian ini dibangunkan berdasarkan Teori Pertukaran Sosial (Thibaut & Kelly, 1959) yang mendasari Teori Kepemimpinan Transformasi (Burns, 1978 & Bass, 1985), Teori Kepuasan Kerja (Maslow, 1954) serta Model Komitmen Organisasi (Meyer & Allen, 1991, 1997) yang telah disesuaikan untuk memenuhi konteks kajian ini. Berdasarkan teori, model serta sorotan kajian literatur yang diteliti, pengkaji telah membangunkan kerangka konseptual kajian seperti yang dinyatakan pada Rajah 1.1.



Rajah 1.1

Kerangka Konsep Kajian



1.9 Definisi Konseptual

Kajian ini dilaksanakan dalam konteks Malaysia dengan memberi tumpuan kepada Guru Kaunseling (GK) di sekolah menengah. Penyelidikan ini berpaksikan tiga pemboleh ubah utama iaitu Kepemimpinan Transformasi Pengetua, Kepuasan Kerja GK, dan Komitmen Organisasi GK. Definisi konseptual bagi setiap konstruk utama dan sub konstruk adalah seperti berikut:



1.9.1 Komitmen Organisasi

Komitmen organisasi merujuk kepada tahap keterikatan psikologi seseorang pekerja terhadap organisasinya, termasuk keinginan untuk terus kekal berkhidmat dan memberikan sumbangan secara aktif (Meyer & Allen, 1997). Dalam konteks ini, komitmen organisasi GK terdiri daripada tiga dimensi iaitu:

- a. **Komitmen Afektif:** Perasaan keterikatan emosi dan pengenalan diri terhadap nilai-nilai organisasi, serta keinginan ikhlas untuk terus kekal bersama organisasi (Allen & Meyer, 1990).
- b. **Komitmen Berterusan:** Persepsi individu mengenai kos atau kerugian jika meninggalkan organisasi (Meyer & Allen, 1997).
- c. **Komitmen Normatif:** Rasa kewajipan moral untuk kekal berkhidmat kepada organisasi berasaskan norma sosial dan nilai yang dipegang (Meyer & Allen, 1997).

1.9.2 Kepemimpinan Transformasi

Kepemimpinan transformasi ialah gaya kepemimpinan yang memberi inspirasi kepada pengikut melalui visi bersama, dorongan nilai murni, dan pembangunan potensi diri melalui hubungan interpersonal yang berkesan (Bass & Avolio, 1994). Ia merangkumi empat dimensi utama:



- a. **Karisma (*Charisma*):** Keupayaan pemimpin untuk menjadi teladan moral yang berkarisma dan berprinsip sehingga membina kepercayaan dan hormat pengikut (Bass & Riggio, 2006).
- b. **Bertimbang Rasa Secara Individu (*Individualized Consideration*):** Keupayaan pemimpin untuk memahami keperluan unik setiap kakitangan dan menyediakan sokongan serta bimbingan yang diperibadikan (Kouzes & Posner, 2017).
- c. **Merangsang Intelekt (*Intellectual Stimulation*):** Keupayaan pemimpin mencabar andaian semasa, menggalakkan kreativiti, serta membuka ruang idea baharu dalam menyelesaikan masalah (Bass, 1990).
- d. **Motivasi Berinspirasi (*Inspirational Motivation*):** Keupayaan pemimpin menyampaikan visi masa depan yang jelas dan menggalakkan pengikut bekerja ke arah matlamat yang mencabar dan bermakna (Kouzes & Posner, 2017).

1.9.3 Kepuasan Kerja

Kepuasan kerja ialah tahap keseronokan atau perasaan positif individu terhadap pekerjaan mereka, hasil daripada penilaian aspek-aspek pekerjaan yang relevan dengan nilai dan harapan diri (Robbins, 2001). Berdasarkan Hierarki Keperluan Maslow (1954), kepuasan kerja dalam kajian ini dijelaskan melalui enam aspek:

- a. **Fisiologi:** Keperluan asas seperti waktu kerja yang seimbang, makanan, dan rehat yang mencukupi.

- b. **Keselamatan:** Jaminan kerja, kestabilan pendapatan dan perlindungan daripada risiko fizikal dan psikologi.
- c. **Hubungan:** Interaksi sosial yang sihat dan kolaboratif antara rakan sekerja, murid dan pihak pentadbir.
- d. **Fasiliti:** Ketersediaan infrastruktur, ruang kerja selesa, peralatan dan bahan kaunseling yang mencukupi.
- e. **Kebajikan:** Sokongan emosi, peluang pembangunan profesional dan persekitaran kerja yang prihatin.
- f. **Kewangan:** Imbuhan dan elaun yang adil dan mencerminkan nilai kerja yang diberikan.

Dengan menggabungkan konstruk ini secara konseptual, kajian ini berupaya membina pemahaman mendalam mengenai faktor yang mendorong atau menghambat komitmen organisasi dalam kalangan GK sekolah menengah di Malaysia.

1.10 Definisi Operasional

Bagi tujuan kajian ini, beberapa istilah ditakrifkan secara operasional bagi menjelaskan konstruk-konstruk utama iaitu komitmen organisasi guru kaunseling, kepemimpinan transformasi pengetua dan kepuasan kerja guru kaunseling dalam konteks sekolah menengah di Malaysia. Definisi operasional ini digunakan sebagai asas pengukuran dalam kajian lapangan yang melibatkan Guru Kaunseling (GK).

1.10.1 Komitmen Organisasi

Komitmen terhadap organisasi berkait rapat dengan emosi, idea serta falsafah yang ada pada kedalaman diri seseorang individu ketika bersama dengan sesebuah organisasi (Mowday, et., al (1979), Meyer & Allen, (1997)). Mc Gee dan Ford (1987) pula menjelaskan komitmen terhadap organisasi sebagai tahap penerimaan dan kepercayaan terhadap tanggungjawab kerja yang berkaitan dengan hasrat dan matlamat organisasi, serta mempunyai kemahuan untuk kekal dalam organisasi.

Tambahan pula, definisi komitmen organisasi yang diberikan oleh Bolger dan Somech (2005) dan Metcalf & Dick (2000) pula menunjukkan komitmen organisasi adalah satu gabungan antara matlamat dan misi pekerja dan organisasi serta sikap dan kesetiaan pekerja kepada organisasi. Secara keseluruhan, Meyer dan Allen (1991) dalam kajian Amalina et. al (2017) menjelaskan bahawa komitmen organisasi adalah konstruk psikologi yang menggambarkan ciri-ciri pertalian antara pekerja dan organisasinya, yang seterusnya menentukan keputusan mereka untuk terus berada dalam organisasi tersebut.

Tiga subkonstruk komitmen organisasi, seperti komitmen afektif, komitmen berterusan, serta komitmen normatif, telah dikenalpasti. Berdasarkan dalam kajian ini, tahap komitmen organisasi yang dimaksudkan merujuk kepada penerimaan GK sekolah di sekolah menengah terhadap matlamat sekolah dan UBK, serta kesediaan mereka untuk memberi komitmen yang tinggi dalam perkhidmatan UBK. Malah, mempunyai hasrat yang kuat untuk terus bekerja dan menyumbang bakti di sekolah tempat mereka



berkhidmat sekarang kepada tiga konsep yang dikemukakan oleh Allen dan Meyer (1991, 1997) iaitu:

- a. **Komitmen afektif** merujuk kepada hubungan emosi yang mendalam dengan organisasi, di mana guru merasa sehati dengan sekolah. Ia berkaitan dengan perasaan, identiti, dan tahap penyertaan guru dalam organisasi tersebut. Diukur melalui kekuatan emosi, rasa bangga dan keterikatan terhadap sekolah.
- b. **Komitmen berterusan** merujuk kepada guru yang tidak mahu meninggalkan atau berpindah ke organisasi yang lain. Ini berkaitan dengan perbelanjaan yang mungkin dipikul oleh guru jika mereka mengundur diri dari organisasi, serta penilaian terhadap kesan negatif yang mungkin timbul sekiranya mereka beralih ke kerjaya yang lain. Diukur melalui pertimbangan kos dan kesan meninggalkan organisasi.
- c. **Komitmen normatif** menggambarkan rasa tanggungjawab yang dimiliki oleh guru terhadap organisasi, yang mendorong mereka untuk terus berkhidmat. Ini berhubung dengan perasaan tanggungjawab terhadap organisasi dan hasrat untuk terus bekerja akibat desakan luar serta pemikiran tentang tanggungjawab yang perlu dipenuhi dalam organisasi. Diukur melalui rasa tanggungjawab moral dan kewajipan untuk kekal berkhidmat.

1.10.2 Kepemimpinan Transformasi

Kepemimpinan transformasi dapat diterangkan sebagai keupayaan untuk mengenal pasti keperluan perubahan, memimpin perubahan, mencipta wawasan, membina





komitmen terhadap wawasan tersebut, dan akhirnya melaksanakan perubahan dengan berkesan. (Abdul Kudus, & Abu Bakar., 2000).

Ramsey (2010) pula menyatakan maksud kepemimpinan transformasi sebagai satu kepemimpinan yang boleh memberi berinspirasi di mana pemimpin dapat memastikan kebajikan pekerja terjaga, memberikan usaha yang besar untuk menilai sejauh mana pekerja menerima perubahan yang dilaksanakan dalam organisasi, sentiasa mengemukakan pelbagai soalan berkaitan organisasi, serta terus memotivasikan pekerja untuk meningkatkan prestasi dan keadaan mereka.

Menurut Anderson (2009), kepemimpinan transformasi boleh diertikan sebagai gaya kepemimpinan yang memberi inspirasi dan motivasi kepada pengikutnya. Tambah Dessler (2002), pemimpin transformasi berupaya menggerakkan pengikut untuk melepasi kepentingan peribadi mereka dan berfokus kepada kepentingan kumpulan atau organisasi. Sementara itu, Nahavandi dan Malekzadeh (1998) pula menyatakan bahawa kepemimpinan transformasi adalah proses kepemimpinan yang melibatkan perancangan dan pelaksanaan perubahan besar dalam sesebuah organisasi.

Secara keseluruhannya, kepemimpinan transformasi memacu kepada gaya kepemimpinan yang mampu mendorong pengikut demi mengutamakan kepentingan organisasi serta mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi (Bass, 1985). Kepemimpinan transformasi menggabungkan beberapa elemen seperti kepekaan, belas kasihan, inovasi, empati, serta hubungan yang lebih erat (Jin, 2010). Seterusnya, kepemimpinan transformasi mampu memotivasikan pengikut demi mencapai pencapaian luar biasa (Stinglhamber et al., 2015) serta mengalihkan sekumpulan individu untuk melakukan



perubahan (Asodike & Adieme, 2015). Selain itu, kepemimpinan transformasi menekankan hubungan yang akrab dengan kakitangan, berlaku adil antara mereka, serta menggalakkan perkembangan profesional dan kerja mereka (Aydin et al., 2013).

Terdapat empat subkonstruk dalam teori kepemimpinan transformasi Bass iaitu karisma, merangsang intelek, bertimbang rasa secara individu, serta motivasi berinspirasi. Burns (1978) dan Bass (1985) yang menterjemahkan dalam Model Kepemimpinan Transformasional Slocum dan Hellriegel (2007). Dalam kajian ini, tahap kepemimpinan transformasi yang dimaksudkan ialah kepemimpinan yang dipraktikkan oleh pengetua di sekolah menengah terhadap UBK dan guru kaunseling berpandukan kepada empat konsep yang dinyatakan oleh Bass (1985) iaitu:

Karisma merujuk kepada perwatakan dan tindakan pemimpin transformasi

yang menjadi teladan serta sumber dorongan kepada orang lain, sanggup berkorban demi mencapai visi dan matlamat organisasi serta menunjukkan nilai moral dan etika yang tinggi. Pemimpin yang karismatik tidak menyalahgunakan kekuasaanya, malah memimpin ahli organisasi ke arah pencapaian bersama. Dalam kajian ini, ianya diukur melalui persepsi GK terhadap teladan, nilai moral dan integriti pengetua sebagai pemimpin yang dihormati.

- b. **Merangsang intelek** merujuk kepada pemimpin transformasi yang menyelesaikan cabaran atau menyediakan solusi terhadap isu dalam organisasinya, berfikir secara inovatif serta kreatif. Di samping itu, pemimpin ini memberi dorongan kepada ahli organisasinya untuk berkolaborasi dalam mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi, mengemukakan idea-idea baru untuk memotivasi pengikutnya berfikir secara kritis dan melihat isu-isu

dari berbagai perspektif. Dalam kajian ini, ianya diukur berdasarkan sejauh mana pengetua menggalakkan pemikiran kreatif, inovatif dan penyelesaian masalah secara kolaboratif.

- c. **Bertimbang rasa secara individu** merujuk kepada pemimpin yang berjaga-jaga dalam perhubungan dengan ahli organisasi, serta menerima pandangan dan pendapat mereka yang berbeza demi mencapai persetujuan. Pemimpin ini memberi tumpuan dan perhatian kepada keperluan serta potensi individu, sambil mewujudkan persekitaran kerja yang mesra dan harmoni bagi semua. Dalam kajian ini, ianya diukur melalui sejauh mana pengetua menunjukkan empati, keprihatinan dan bimbingan individu kepada GK.
- d. **Motivasi berinspirasi** merujuk kepada pemimpin yang menggalakkan dan meningkatkan semangat juang pekerja, motivasi yang tinggi, memberi inspirasi kepada pengikutnya dengan tahap, memberi sokongan moral yang kukuh serta menawarkan kemudahan infrastruktur yang mencukupi. Dalam kajian ini, ianya diukur melalui sejauh mana pengetua menyampaikan visi yang bermakna dan memotivasikan GK untuk meningkatkan pencapaian mereka.

1.10.3 Kepuasan Kerja

Menurut Hoppock (1935), kepuasan kerja dapat didefinisikan sebagai gabungan faktor psikologi, fisiologi, dan persekitaran yang membuat seorang pekerja merasa puas hati dengan pekerjaannya. Sementara itu, Klein dan Ritti (1984) menyatakan bahawa kepuasan kerja adalah perasaan positif yang timbul selepas pekerja berpuas hati dengan pekerjaan mereka.



Manakala, Zaidatol Akmaliah (1990) pula menyatakan bahawa kepuasan kerja merujuk kepada rasa yang diperoleh daripada tugas yang memenuhi nilai-nilai kerja dan sejajar dengan keupayaan individu tersebut di mana individu akan berasa gembira dengan kerjayanya apabila matlamat terhadap pekerjaan dapat dipenuhi dan turut dihargai.

Thompson & Florence (2012) dan Armstrong (2006) juga telah mendefinisikan kepuasan kerja sebagai sikap seseorang tentang kerjanya. Jika positif, ini menunjukkan individu tersebut puas dengan pekerjaan yang dilakukan ataupun jika negatif menunjukkan individu tersebut tidak puas dengan pekerjaan yang dilakukannya.

Terdapat enam subkonstruk kepuasan kerja yang diutarakan oleh Maslow (1954) iaitu meliputi aspek fisiologi, keselamatan, hubungan, fasiliti, kebajikan dan kewangan. Subkonstruk kepuasan kerja yang akan digunakan dalam kajian ini adalah sangat berkaitan dengan kepuasan GK sekolah menengah semasa menjalankan perkhidmatan BnK di sekolah yang ditempatkan. Subkonstruk kepuasan kerja adalah berpandukan kepada enam konsep yang dinyatakan oleh Maslow (1954) iaitu:

- a. **Fisiologi** merujuk kepada keperluan asas individu seperti minuman, makanan, tempat tinggal, serta pakaian. Jika keperluan ini tidak dipenuhi, tumpuan individu terhadap perkhidmatannya akan terjejas. Ketidakpuasan terhadap keperluan fisiologi ini akan mengurangkan minat dan motivasi individu untuk bekerja atau melakukan sesuatu tugas. Dalam kajian ini, tahap kepuasan GK terhadap waktu kerja, waktu rehat dan keperluan asas semasa bertugas akan diukur.



- b. **Keselamatan** merujuk kepada keperluan keselamatan peribadi, kesihatan, dan persekitaran yang selamat. Individu yang tidak mendapat keperluan ini dengan cukup mungkin lebih cenderung untuk mengasingkan diri daripada organisasi. Sebaliknya, individu yang mendapat keperluan ini secara berlebihan mungkin menjadi terlalu bergantung kepada orang lain. Namun, jika keperluan keselamatan ini dipenuhi, individu akan lebih bermotivasi untuk memastikan kehidupan yang lebih stabil dan bebas dari ancaman. Dalam kajian ini, tahap kepuasan GK terhadap tahap keselamatan fizikal, psikologi, dan jaminan kerjaya semasa menjalankan tugas kaunseling akan dinilai.
- c. **Hubungan** merujuk kepada keperluan individu untuk mendapat sokongan dan kerjasama daripada orang terdekat seperti keluarga dan rakan sebaya. Apabila hubungan peribadi mencukupi, individu lebih bermotivasi. Namun, jika berlaku perselisihan di tempat kerja antara pentadbir dan guru, ia boleh menyebabkan perasaan tidak dihargai atau tidak disukai, yang mengurangkan motivasi guru untuk bekerja dengan baik. Dalam kajian ini, tahap kepuasan terhadap sokongan rakan sekerja, pentadbir dan hubungan profesional di sekolah akan diukur.
- d. **Fasiliti** pula merujuk kepada kemudahan seperti bilik dan peralatan yang diperlukan untuk menjalankan tugas. Individu yang mendapat kemudahan yang mencukupi lebih bermotivasi. Sebaliknya, kekurangan fasiliti boleh menyebabkan perasaan tidak dihargai dan mengurangkan motivasi guru untuk bekerja. Kecukupan bilik kaunseling, peralatan, dan kemudahan lain yang menyokong perkhidmatan BnK bagi GK dalam kajian ini.
- e. **Kebajikan** pula merujuk kepada setiap pekerja mempunyai hak untuk menyampaikan pandangan dan ketidakpuasan melalui saluran yang betul, serta memperoleh faedah tertentu dalam organisasi. Apabila keperluan



kebakikan ini tidak dipenuhi, individu akan kehilangan minat dan motivasi untuk bekerja atau berusaha. Kepuasan terhadap pembelaan hak, keadilan pembahagian tugas dan peluang pembangunan profesional bagi GK dalam kajian ini.

- f. **Kewangan** merujuk kepada pengurusan kewangan dan perolehan dana untuk aktiviti dan program yang dirancang. Jika keperluan kewangan ini tidak dipenuhi, individu akan kurang bermotivasi untuk melaksanakan tugas atau aktiviti BnK yang telah ditetapkan. Kepuasan terhadap sokongan kewangan berkaitan aktiviti kaunseling serta pengurusan dana bagi GK dalam kajian ini.

1.10.4 Pengetua



Pengetua yang merupakan seorang pemimpin dalam bidang pendidikan, merujuk kepada individu yang menggalas jawatan atau kedudukan yang dia dipertanggungjawabkan untuk memimpin sekumpulan orang bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Peranan pengetua merangkumi pelbagai aspek seperti pendidik, pentadbir, penyelia, pengurus serta pengurus perubahan (Male, 2006). Selain itu, pengetua juga berfungsi sebagai peneraju, pembimbing, dan pendorong dalam memastikan kejayaan organisasi, seperti yang digariskan dalam SK@S (KPM, 2022) dan SKPMg2 (2018).

Menurut Hamedah & Normah, (2010), pengetua adalah pemimpin pendidikan yang memiliki tanggungjawab untuk membentuk individu melalui interaksi dengan individu yang lain. Seorang pengetua perlu memiliki visi yang jelas matlamat yang





ingin dicapainya dan memahami objektif penubuhan sekolah (Fatanah, 2010). Selain daripada itu, pengetua memiliki kuasa eksekutif dalam memimpin warga sekolah bagi memastikan sekolah beroperasi sebagai institusi bertaraf dunia dalam era masyarakat berpengetahuan (Rahimah, 2005). Menurut Zahiah (2001), pengetua adalah individu yang mengurus dan memimpin sekolah, serta bertanggungjawab sebagai pentadbir pendidikan dan pengurus yang harus memiliki pengetahuan yang mendalam dalam bidangnya, menguasai proses PdP, sekali gus mampu menyelesaikan permasalahan dengan berkesan.

Dalam kajian ini, Pengetua merujuk kepada individu yang mengetuai sesebuah sekolah menengah di Malaysia dan bertindak sebagai pemimpin institusi yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus, pembangunan profesional guru dan pencapaian matlamat organisasi. Mereka memainkan peranan utama dalam mempraktikkan amalan kepemimpinan transformasi.

1.10.5 Guru Kaunseling

Guru Kaunseling (GK) merupakan guru yang telah mendapat latihan sama ada peringkat ijazah dalam bidang psikologi atau ijazah dalam bidang BnK dari universiti-universiti tempatan. GK merupakan individu yang memberi perkhidmatan kepada murid dan warga sekolah secara amnya. GK akan menerima surat pelantikan daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan selalunya mereka dikategorikan sebagai guru luar norma dalam perjawatan di sekolah. (SS Bil.12 Tahun 2012).





GK telah dikategorikan sebagai HM52 Guru Kaunseling di bawah Pengurusan dan Pentadbiran (PTB-Guru Bimbingan dan Kaunseling) seperti yang terkandung dalam MySG (KPM, 2021). GK ini akan berkhidmat di Sekolah Menengah (SM), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Berasrama penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Menengah (SABKM), Kolej Vokasional (KV), Sekolah Menengah Model Khas (SR+SM), Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK), Sekolah Sukan Malaysia (SSM) serta Sekolah Seni Malaysia (SSeM).

GK dalam kajian ini merujuk kepada guru yang dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menjalankan tugas-tugas bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah. Mereka merupakan responden utama kajian dan bertanggungjawab terhadap perkhidmatan psikososial dan sokongan murid.

1.10.6 Sekolah Menengah

Sekolah Menengah (SM) merujuk kepada sekolah yang menyediakan pendidikan selepas pendidikan rendah iaitu darjah satu hingga darjah enam. Sekolah menengah biasanya untuk murid yang berumur dari 13 hingga 18 tahun yang merangkumi kelas peralihan, Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Pendidikan di sekolah menengah adalah sebahagian daripada pendidikan wajib yang disediakan oleh KPM.





Struktur SM di Malaysia terdiri daripada dua iaitu Kelas Peralihan, Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga yang dikenali sebagai Menengah Rendah manakala Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima dikenali sebagai Menengah Atas. Pendidikan di sekolah menengah bertujuan untuk membangunkan kemahiran akademik, sahsiah dan kokurikulum murid sebagai persediaan ke peringkat lebih tinggi atau dunia pekerjaan.

Kajian ini hanya melibatkan sekolah menengah yang berdaftar secara rasmi dengan KPM seperti Sekolah Menengah (SM), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Berasrama penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Menengah (SABKM), Kolej Vokasional (KV), Sekolah Menengah Model Khas (SR+SM), Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK), Sekolah Sukan Malaysia (SSM) dan Sekolah Seni Malaysia (SSeM).

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan yang perlu diberi perhatian semasa mentafsir dapatan dan membuat generalisasi. Pertama, penggunaan kaedah kuantitatif melalui soal selidik memberi tumpuan kepada persepsi sendiri Guru Kaunseling (GK) terhadap amalan kepemimpinan transformasi Pengetua, tahap kepuasan kerja dan komitmen organisasi mereka. Oleh itu, jawapan responden mungkin dipengaruhi oleh kecenderungan sosial (*social desirability bias*), pemahaman yang berbeza terhadap item instrumen, serta tahap kejujuran ketika menjawab (Podsakoff et al., 2003).





Kedua, kajian ini hanya melibatkan GK sekolah menengah yang berada di bawah kepimpinan pengetua dalam sistem pendidikan Malaysia. GK yang menjadi responden dalam kajian ini mempunyai latar belakang profesional yang hampir seragam dari segi latihan, peranan, dan dasar pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (KPM, 2021). Oleh itu, penemuan kajian mungkin tidak mewakili keseluruhan populasi GK di institusi pendidikan lain seperti sekolah rendah, MRSM, sekolah berasrama penuh atau sekolah swasta.

Ketiga, reka bentuk kajian yang bersifat keratan rentas (*cross-sectional*) menghadkan keupayaan untuk mengenal pasti hubungan sebab-akibat antara pemboleh ubah (Creswell & Creswell, 2018). Kajian ini hanya menunjukkan hubungan dan sumbangan ramalan secara statistik, bukan kesan kausal sebenar.



Keempat, walaupun kajian ini memberi fokus kepada amalan kepimpinan transformasi Pengetua, kepuasan kerja dan komitmen organisasi GK, terdapat faktor luaran lain yang juga berpotensi mempengaruhi ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut. Antaranya termasuk faktor iklim sekolah, budaya organisasi, beban kerja tambahan, dan keseimbangan kerja kehidupan yang tidak dijadikan pemboleh ubah kajian dalam penyelidikan ini (Leithwood & Sun, 2012; Sulaiman, 2014).

Akhir sekali, kesimpulan yang dibuat daripada dapatan kajian ini adalah terhadap kepada sampel yang dikaji, lokasi geografi, dan reka bentuk kajian. Oleh itu, disarankan agar kajian lanjutan menggunakan kaedah campuran (*mixed-method*) atau longitudinal dilaksanakan bagi memahami perubahan dari masa ke semasa dan memperkukuh kefahaman terhadap isu-isu berkaitan kesejahteraan kerjaya GK di Malaysia.





1.12 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai hubungan sebab (*causal relationship*) antara pengaruh amalan kepemimpinan pengetua terhadap komitmen organisasi guru kaunseling sekolah menengah dengan kepuasan kerja bertindak sebagai perantara di Malaysia. Kajian ini dijalankan berlandaskan kepada prinsip-prinsip yang berikut, iaitu (a), pengetua adalah merupakan pengetua keluaran IAB dan dilantik oleh JPN seperti yang diinginkan oleh KPM untuk ditempatkan di setiap sekolah. Malah gaya kepemimpinan pengetua ini merupakan satu panduan kepada barisan pentadbir sekolah untuk mempertingkatkan prestasi mereka dalam kepemimpinan.

Maka, (b) pengkaji ingin mengkaji adakah pengaruh amalan kepemimpinan transformasi pengetua dapat mempertingkatkan komitmen organisasi GK dalam mencapai kecemerlangan akademik, sahsiah, dan kokurikulum murid (kemenjadian murid dalam standard lima dalam SK@S di sekolah menengah). Dengan kata lain, (c) kajian ini dapat mempertingkatkan usaha memartabatkan perkhidmatan UBK dan kualiti pendidikan di Malaysia ke arah pendidikan bertaraf antarabangsa. Sekiranya amalan kepemimpinan transformasi pengetua dapat mempengaruhi komitmen organisasi GK maka segala usaha yang dilaksanakan terutamanya dalam penambahbaikan modul latihan IAB untuk melatih pemimpin baharu dan bakal pemimpin sekolah serta ketua-ketua GBKSM.

Seterusnya, (d) penemuan kajian ini bermanfaat baik secara langsung mahupun tidak langsung kepada beberapa pihak utama seperti pengkaji-pengkaji yang lain, pengetua, GK, Majlis Guru Kaunseling (MGK), IPG, IPT, KPM, LKM, PERKAMA





dan IAB. dalam aspek teoritikal, akademik dan praktikal. Pengkaji telah membahagikan kepentingan kajian ini kepada dua aspek iaitu persektif teoritikal dan akademik serta aspek pratikal.

1.12.1 Aspek Teoritikal dan Akademik

Secara teoritikal, kajian ini menyumbang kepada pengayaan literatur berkaitan kepemimpinan transformasi, kepuasan kerja dan komitmen organisasi dalam konteks perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah. Kajian lepas lebih menumpukan kepada efikasi sendiri atau keberkesanan perkhidmatan Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK), namun pengaruh kepemimpinan Pengetua terhadap komitmen organisasi GK masih kurang diterokai secara empirik (Sulaiman, 2014; Ahmad & Rahim, 2021).

Tambahan pula, kajian ini memperkenalkan dimensi integratif antara ketiga-tiga pemboleh ubah dalam satu model ramalan kuantitatif, menjadikannya signifikan dari segi membina kerangka konseptual yang kukuh dan sah digunakan dalam konteks pendidikan menengah di Malaysia. Justeru, hasil kajian dapat digunakan sebagai asas kepada kajian lanjutan menggunakan pendekatan campuran (*mixed-method*) atau longitudinal.





1.12.2 Aspek Pratikal

Dari sudut praktikal, kajian ini memberi manfaat langsung kepada pelbagai pihak berkepentingan. Bagi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM), dan Institut Aminuddin Baki (IAB), penemuan kajian ini boleh menjadi asas dalam menggubal dasar latihan kepemimpinan dan pembangunan profesional Pengetua, terutamanya dalam mengintegrasikan nilai sokongan psikososial kepada GK.

Modul latihan kepemimpinan di IAB juga boleh ditambah baik dengan memasukkan elemen komunikasi berkesan antara pentadbir dan GK, pengurusan tekanan kerja GK, serta strategi memotivasikan staf sokongan bukan akademik (Mohd Noor et al., 2022). Ini sejajar dengan aspirasi PPPM 2013–2025 untuk melahirkan pemimpin sekolah yang berwibawa dan menyokong kesejahteraan guru secara holistik (KPM, 2013).

Kajian ini juga penting kepada pihak pentadbir sekolah dan Majlis Guru Kaunseling (MGK) di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Ia dapat membantu mereka memahami cabaran sebenar yang dihadapi oleh GK dari segi beban kerja, kekaburan peranan dan ketidakseimbangan tugas sokongan. Dapatan kajian ini boleh dijadikan asas merancang penambahbaikan struktur perkhidmatan UBK agar selari dengan keperluan semasa.

Akhir sekali, kepada GK sendiri, dapatan kajian ini diharap dapat memperkukuh identiti profesional mereka dan menyuarakan keperluan sokongan dalam organisasi.





Apabila kepemimpinan pengetua yang transformasional diselarikan dengan kepuasan kerja yang tinggi, maka tahap komitmen organisasi GK dapat ditingkatkan, yang akhirnya menyumbang kepada kemenjadian murid dan matlamat pendidikan negara.

1.13 Rumusan Bab

Kejayaaan dalam satu-satu kerjaya dan perkhidmatan yang diceburi oleh seseorang dipengaruhi dengan gaya kepemimpinan yang diamalkan dalam organisasi tersebut. Malah, kepuasan kerja serta komitmen organisasi yang ditunjukkan oleh pekerja tersebut juga akan memperlihatkan sama ada kehadiran mereka dapat memberikan sesuatu yang bernilai di organisasi tersebut. Kenyataan-kenyataan yang dikemukakan dengan jelas menunjukkan bahawa peranan kepemimpinan transformasi, kepuasan kerja dan komitmen organisasi sebagai penentuan keupayaan hidup yang perlu diterapkan dalam diri para pemimpin dan GBKSM pada masa kini. Bab ini telah menguraikan aspek-aspek yang berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian yang hendak dikaji dirumuskan dalam kerangka konseptual kajian dan dijelaskan definisi yang kurang jelas dalam definisi konseptual dan definisi operasional.

